

DATE: 22/03/2000

# Jangan sampai pihak pecah belahkan ummah mengetuk pintu istana — Rais Majlis Raja diseru bertegas

Oleh ZULKIFLI JALIL

**K**UALA LUMPUR 21 Mac — Kerajaan berharap Majlis Raja-Raja Melayu yang bermesyuarat esok membuat pendirian tegas untuk membantu membanteras kemaraan politik agama melampau yang memecahbelahkan umat Islam di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Rais Yatim berkata, hanya selepas mendapat komitmen itu kerajaan bersedia mewujudkan undang-undang setimpal membendung tindakan parti-parti politik yang menyalahgunakan agama untuk kepentingan peribadi.

Tegas beliau, raja-raja Melayu tidak boleh berpeluk tubuh kerana golongan yang bertanggungjawab memecahbelahkan umat Islam itu akhirnya akan 'sampai' di pintu istana-istana mereka.

"Hanya selepas itu baru hendak bertindak, masanya sudah terlewat.

"Di Iran, golongan ini menggunakan agama dalam kegiatan seharian mereka dan dikhuatiri ia akan merebak ke sini. Justeru raja-raja Melayu harus hadapi cabaran ini secara kolektif dan tidak boleh berdiam diri," katanya.

## ● Institusi agama perlu bertemu Majlis Raja-Raja — Muka 3

Ketika dihubungi di Sanggang, Pahang, hari ini Rais turut menegur cerdik pandai Islam dalam kerajaan terutamanya sebahagian besar mufti yang gemar berdiam diri tanpa berminat mengutarakan pandangan mengatasi penyelewengan fatwa yang dilemparkan oleh parti pembangkang.

Beliau sebelum itu mengiringi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mengetuai perarakan jentera Barisan Nasional (BN) sempena hari penamaan calon pilihan raya kecil itu, pagi ini.

Harapan supaya raja-raja Melayu memainkan peranan menyatukan umat Islam yang berbeza fahaman politik melalui majlis-majlis agama negeri yang diterajui baginda dibangkitkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Khamis lalu.

Menurut Perdana Menteri, walaupun raja-raja Melayu tidak terlibat dalam

■ Lihat muka 4

## SAMBUNGAN DARI MUKA 1

### Majlis Raja diseru bertegas

bidang politik, mereka mungkin boleh memainkan peranan melalui cara berkenaan.

Februari lalu akhbar melaporkan, kerajaan bercadang mewujudkan undang-undang yang melarang agama dicampuradukkan dengan politik bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan keamanan negara.

Mengulas hal ini Rais berkata, pewujudan undang-undang mengasingkan agama dan politik adalah langkah terakhir yang akan diambil kerajaan bagi menyelamatkan negara daripada situasi penyalahgunaan agama.

"Kemungkinan raja-raja Melayu akan membincangkan perkara ini (peranan mereka menyatukan umat Islam) esok.

"Saya menduga Perdana Menteri akan mengetengahkan sedikit sebanyak isu ini untuk dirunding dan dibincangkan di peringkat raja-raja. Kelemahan ummah tidak boleh dibiarkan. Raja-Raja masih bersama-

sama bertanggungjawab menyelamatkan rakyat," katanya.

Mengenai kekecewaannya terhadap peranan yang dimainkan oleh mufti-mufti, Rais berkata, apabila Pas menabur fitnah dan dakyah, kebanyakan mufti tidak pernah mengambil inisiatif menjernihkan semula keadaan dengan mengeluarkan hujah-hujah untuk dijadikan panduan.

"Cuma yang saya lihat bekas mufti Wilayah Persekutuan (kini Imam Besar Masjid Putra), Tan Sri Abdul Kader Talip, yang menyuarakan harapannya supaya raja-raja komited menangani isu ini. Mufti-mufti yang lain cuma membisu.

"Kita minta mufti berwaspada dan tidak bersikap berkecuali dalam soal yang jelas ini," katanya.

Rais turut membangkitkan beberapa tindakan ketara Pas memesongkan agama demi kepentingan parti itu.

"Mereka menggunakan bendera

Pas dan menyelimutkannya pada kepala jenazah. Pas turut mendustakan fakta-fakta keagamaan yang menyebabkan orang jadi keliru," katanya.

Khamis lalu, Perdana Menteri turut menimbulkan beberapa perilaku Pas yang tidak mencerminkan Islam, antaranya tindakan mereka membasuh masjid di Terengganu yang kononnya kotor dan perlu disamak kerana dulu ia masjid UMNO.

Beliau turut menyelar tindakan pemimpin Pas Terengganu dan Kelantan mengalihkan replika patung yang menjadi lambang di negeri itu khususnya dari segi pelancongan.

Tegas Dr. Mahathir: "Patung penyus sudah dihancurkan kerana ia bertentangan dengan Islam tetapi bertentangan dengan Islam tetapi selama 10 tahun Pas memerintah Kelantan, patung rusa tidak dihancurkan. Apabila patung penyus dihancurkan, patung rusa juga (patut) dihancurkan."